

Ramlah ikat jamin anaknya hingga 17 Mac ini

JOHOL, Selasa — Empat adik beradik, duanya bersaudara kembar yang ditahan polis pada Sabtu lalu kerana kerana menghalang istiadat kerjan Undang Luak Johol ke-12, Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan, Datuk Haji Abdul Rahman Mohd Som, dibebaskan tengah hari ini.

Mereka dibebaskan setelah masing-masing dikenakan ikat jamin \$1,000 oleh ibunya, Puan Ramlah Abdul Samad, 49.

Jaminan itu adalah untuk tempoh sehingga 17 Mac ini, kata seorang jurucakap polis di sini.

Dua saudara kembar, Lokman dan Hakim bersenjatakan keris dan Hamdan ditahan polis selepas mereka menghalang rombongan Datuk Undang yang hendak menyempurnakan istiadat kerjan (tabal) di perigi Gadang dan Makam Gobah Bukit Istana 10 Kilometer dari sini.

Manakala adiknya Wahid ditahan kerana menghalang pihak polis menjalankan tugas. Tindakan empat beradik itu menyebabkan istiadat kerjan tertangguh empat jam.